

23/04/2001

Panel khas kumpul bukti (HL)

Rahman Hashim

ALOR GAJAH, Ahad - Kerajaan akan menubuhkan panel khas bagi memanggil beberapa individu yang menawarkan diri secara sukarela untuk menjadi saksi berhubung 'Amanat Haji Hadi'.

Pada masa sama, kerajaan juga sedang mengkaji dari sudut perundangan, khususnya melalui Kanun Keseksaan, sama ada tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, berhubung amanatnya.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata usaha mengumpulkan saksi itu sedang dijalankan dan mereka akan mendedahkan kesan yang dialami berikutan keyakinan masing-masing terhadap amanat berkenaan sebelum ini.

Katanya, kesan 'Amanat Haji Hadi' kepada masyarakat, khususnya penduduk luar bandar masih boleh dilihat sehingga kini, terutama di Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Beliau berkata, perbuatan mengkafirkan orang Umno, solat dua imam serta tidak memakan binatang sembelihan orang Umno, masih diamalkan penyokong Pas di kampung.

"Insyallah, semua umat Islam berpeluang mendengar pendedahan saksi berkenaan. Cuma buat masa ini, kerajaan belum menimbangkan sama ada pendedahan saksi itu akan dibuat secara terbuka atau sebaliknya," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Alor Gajah di Dewan Japerun Masjid Tanah, di sini hari ini.

Rabu lalu, sekumpulan masyarakat Islam di Baling, Kedah, menyatakan hasrat untuk tampil memberikan bukti bahawa 'Amanat Haji Hadi' yang dikeluarkan 20 tahun lalu, boleh memesongkan akidah umat Islam.

Kumpulan berkenaan yang pernah menerima amanat itu sebelum ini, menyatakan hasrat itu kepada Dr Abdul Hamid dan mereka hanya menunggu masa sesuai untuk berbuat demikian.

Dr Abdul Hamid berkata demikian ketika mengulas pandangan beberapa pihak yang mahu kerajaan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan, mengadakan muzakarah dengan Abdul Hadi berhubung amanatnya itu.

Bagaimanapun, ada pihak lain tidak bersetuju muzakarah itu diadakan kerana menganggap 'Amanat Haji Hadi' bukan fatwa dan peluang itu mungkin digunakan Pas untuk memutarbelitkan lagi keadaan.

Dr Abdul Hamid berkata, tujuan muzakarah itu bukan untuk merombak keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan, sebaliknya ingin menjelaskan kesalahan dalam 'Amanat Haji Hadi'.

Katanya, reaksi orang ramai yang mula mempertikaikan amanat itu menyebabkan Abdul Hadi kini berada dalam kegelisahan, sekali gus beliau cuba mengelak daripada mengadakan muzakarah dengan kerajaan.

"Oleh itu, kerajaan sedang mengkaji dari sudut perundangan, khususnya melalui Kanun Keseksaan, sama ada tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Abdul Hadi serta pemimpin Pas lain.

"Tindakan terhadap mereka tidak semestinya berdasarkan hukum syarak saja kerana Kanun Keseksaan serta Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) juga boleh digunakan, berasaskan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Raja-Raja tempoh hari," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Hamid mendedahkan beberapa pemimpin Pas kini berusaha mengelirukan orang ramai berhubung ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, minggu lalu.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengemukakan pemikiran Islam yang sebenar iaitu mengajak umat Islam memperteguhkan lagi akidah masing-masing serta tidak mengabaikan tanggungjawab fardu kifayah iaitu berkaitan kepemimpinan negara serta memajukan kehidupan dalam negara.

"Ini ucapan sebenar, kita ada teksnya dan ucapan Dr Mahathir itu juga dirakamkan. Bagaimanapun, ada pemimpin Pas memutarbelitkan kenyataan ini dengan mengatakan Dr Mahathir anti-Islam kerana melarang umat Islam memberatkan akidah, termasuk membaca dan menghafaz al-Quran," katanya.

Serentak itu, beliau berharap umat Islam, khususnya penyokong Umno dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, tidak mempercayai dakwaan berkenaan kerana ia sengaja dilakukan Pas untuk mengelirukan umat Islam.

(END)